



Dua kampung terjejas banjir

296 penduduk terpaksa berpindah akibat rumah dinaiki air

PARIT - Hujan lebat berterusan selama lima jam menyebabkan beberapa kawasan di Parlimen Parit dilanda banjir.

Sehingga kini, sebanyak 72 keluarga melibatkan 296 penduduk dipindahkan ke pusat pemindahan banjir di kawasan masing-masing sejak petang Ahad lalu.

Daripada jumlah itu, 53 keluarga dari Kampung Raja manakala selebihnya dari Kampung Pait Empat terpaksa bermalam di pusat pemindahan di kampung masing-masing.

Seorang penduduk, Shahron Zulkifli, 37, berkata, air mula memasuki kawasan rumah pada jam 6 petang kelmarin apabila hujan lebat secara berterusan sejak tengah hari.

Menurutnya, memang kawasan rumahnya sering dinaiki air tetapi kali ini keadaan lebih teruk.

"Hujan pada kali ini memang lebat dan berterusan menyebabkan pengaliran air tidak lancar sehingga melimpah ke kawasan rumah penduduk.

"Peralatan rumah seperti perabot dan barangan elektrik tidak sempat diselamatkan kerana kami



Saluran air sempit menyebabkan kawasan rumah penduduk dinaiki air.

tidak menjangka keadaan akan menjadi seteruk ini," katanya ketika ditemui *Sinar Harian*.

Kata Shahron, itu merupakan kejadian kali pertama berlaku di sini kerana sebelum ini, air yang memasuki rumah cepat surut tetapi kali ini masih lagi bertakung.

Bawa ayah berpindah

Umi Hamid, 51, pula berkata, dia diarahkan untuk berpindah pada jam 7.30 malam apabila rumahnya dimasuki air.

Jelasnya, air memasuki rumah menyebabkan dia perlu segera berpindah bagi menyelamatkan ayahnya yang terlantar sakit.

"Penduduk kampung membantu saya membawa ayah ke dewan orang ramai yang menjadi pusat pemindahan di kampung ini," katanya.

Kata Umi, apabila melihat keadaan hujan yang bermula sejak jam 12 tengah hari tidak reda, dia telah membuat persiapan awal dengan menyimpan barangan penting.

"Saya sempat menyelamatkan beberapa perabot dan dokumen penting apabila melihat keadaan hujan lebat berterusan ini," katanya ketika ditemui di pusat pemindahan banjir di Dewan Orang Ramai Kampung Raja.

Seorang lagi penduduk, Salidah Milus, 64, berkata, rumahnya dimasuki air sehingga ke paras pinggang kerana terletak di kawasan yang agak rendah.

"Rumah saya terletak berhampiran sistem perparitan menyebabkan mudah ditenggelami

air apabila hujan tanpa henti.

"Sistem perparitan berkenaan telah dibersihkan namun, akibat ada sesetengah tempat mempunyai saluran sempit menyebabkan parit tersebut tidak mampu menampung jumlah air yang banyak," katanya.

Ketua Kampung Raja, Isa Ahmad berkata, seramai 220 penduduk di kampung berkenaan terpaksa ditempatkan di dua pusat pemindahan iaitu di dewan orang ramai dan sekolah agama rakyat.

Katanya, penduduk mula dipindahkan pada jam 5 petang kelmarin apabila air mula naik secara mendadak kerana hujan lebat berterusan bermula jam 2 petang.

"Banjir sering berlaku di kampung itu namun ini adalah kali pertama penduduk terpaksa berpindah demi keselamatan mereka," katanya.

Bantuan kepada mangsa

Sementara itu, Penolong Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Perak Tengah, Nor Asiah Mat berkata, bantuan segera telah disalurkan kepada mangsa banjir.

Menurutnya, JKJ menyediakan keperluan asas seperti selimut, tikar, makanan dan beberapa keperluan lain untuk mereka.

"Pemantauan di pusat pemindahan juga dilakukan dan kakitangan kami berada di sini selama 24 jam secara bergilir untuk memastikan keperluan mangsa mencukupi.

"Pihak Jabatan Kesihatan juga datang melawat dan menawarkan perkhidmatan di tempat pemindahan banjir," katanya.


Penghulu Mukim Belanja, Fadzil Lazim berkata, sehingga kini sebanyak 72 keluarga dari dua kampung dipindahkan ke pusat pemindahan.

"Di Kampung Raja, kita membuka dua pusat pemindahan iaitu di dewan orang ramai dan sekolah agama rakyat manakala di Kampung Parit Empat, pula di surau serta sekolah agama rakyat," katanya.

DAPATKAN DI PASARAN

Saksikan Drama
Adaptasi Cinta
Kau Dan Aku di

Khamis & Jumaat
Jam 10.00 - 11.00 malam



RM19.90

buku prima



Untuk sebarang pertanyaan berkaitan langganan

dan pesanan antarabangsa sila hubungi:

Karangkrak Mail di talian atau email:

Tel: 03-5101 7480 / 81 / 78 (Untuk pertanyaan umum) Isn - Jumaat | 9am - 6pm

Tel: 03-5101 7303 (Kadaluarsa) Sabtu - Ahad | 9am - 6pm

Fax: 03-5101 7482 HP: 019-331 0102

info@karangkrak.com | mail@karangkrak.com

www.bukuprimadotidn.com | prima@bukuprima.com.my

FARISYA, seorang gadis yang cantik dan baik hati. Namun hidup keluarganya serba kekurangan, setelah ayahnya meninggal dunia. Sejak itu, Farisya mengubah penampilan diri menjadi seorang yang kasar namun masih berbudi bahasa. Dia tidak dapat meneruskan pelajaran ke universiti dan terpaksa membantu ibunya berniaga secara kecil-kecilan di warung.

Farisya mula rasa jemu berniaga dan membuat keputusan untuk mengikut temannya, Zamilah berhijrah ke Kuala Lumpur. Di Kuala Lumpur, Farisya bekerja sebagai pemandu peribadi kepada majikan Zamilah yang merupakan tokoh korporat yang terkenal.

Namun dalam diam, Farish Hakimi telah jatuh hati pada Farisya. Farisya tidak berapa layan memandangkan dia hanyalah seorang pemandu. Pada suatu hari, tiba-tiba ibu Farisya diserang sakit jantung dan dia perlu dibedah segera. Kesempatan ini digunakan Farish Hakimi untuk menghulurkan bantuan kos pembedahan.

Rasa terhutang budi dengan lelaki itu membuatkan ibu Farisya menyarankan agar Farish Hakimi mengahwini anaknya. Tindakan itu benar-benar mengejutkan Farisya tapi disebabkan sayangnya Farisya pada ibunya, dia terpaksa akur. Mereka akhirnya hidup sebagai suami isteri.

Konflik bermula setelah kehadiran keluarga dan bekas tunang Farish Hakimi ke rumah mereka. Mereka mula merancang niat jahat untuk memisahkan pasangan itu dengan didalangi bekas tunang dan adik Farish Hakimi sendiri. Perangkap diatur namun mereka seringkali gagal.

Pada suatu hari, Farisya diperangkap bersama teman baiknya, Farish Hakimi melenting. Gagal mengawal perasaan marah dan terus menceraikan Farisya tanpa usul periksa. Disebabkan peristiwa itu, Farisya keguguran dan Farish Hakimi pula tanpa rasa bersalah berlepas ke UK.

Mampukah cinta mereka berdua bertaut kembali? Mampukah rintangan yang diatur adik perempuan Farish Hakimi dan bekas tunangnya berjaya memisahkan mereka? Semuanya akan terjawab bila anda menonton drama ini.



karangkrak



Jiva & Minda



Shahron menunjukkan kawasan rumahnya yang dinaiki air kepada Khairul Shahril.